

## Penjual komputer warga Bangladesh ditahan guna PLKS palsu

**KUALA LUMPUR** - Seorang lelaki warga Bangladesh ditahan kerana memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang diperoleh secara tidak sah dalam serbuan Op ID Hack di sebuah kondominium mewah di sini, pada Rabu.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, lelaki itu menyewa lot kedai di sebuah pasar raya dengan menggunakan PLKS palsu tersebut dan menjalankan perniagaan memborong serta menjual barang komputer.

"Operasi penguatkuasaan ini adalah merupakan siri operasi 'Op ID Hack' untuk memburu warga asing yang

menggunakan PLKS palsu dari sindiket ID Hack," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Khairul Dzaimee memberitahu, hasil siasatan mendapati suspek turut menipu pelanggan dengan menyamar sebagai warga Pakistan.

"Suspek dikenali sebagai 'Ali' dalam kalangan warganegara Pakistan dan sebagai 'Munsi Jewel' oleh warganegara Bangladesh di sekitar Kuala Lumpur.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui wang tunai sebanyak RM162,077 di dalam kediaman yang dihuni oleh suspek dan isteri," katanya.

Tambah beliau, isteri suspek yang merupakan seorang wanita warga Indonesia turut ditahan.